

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Monday, 18 May, 2020 12:07 PM
To: norazlinaabdjil@gmail.com
Subject: FW: Renungan Ramadan: Istimewanya Ramadan 1441 - Allah Mahu Kita Hargai Apa Yang Kita Ada

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 05 Mei 2020 12:49
To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>
Subject: Renungan Ramadan: Istimewanya Ramadan 1441 - Allah Mahu Kita Hargai Apa Yang Kita Ada



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 MEI 2020 / 12 RAMADAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Ustaz Yusnadi Md Sabri

RENUNGAN RAMADAN: ISTIMEWANYA RAMADAN 1441 - ALLAH MAHU KITA HARGAI APA YANG KITA ADA



UUM ONLINE: Tibanya Ramadan dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan *new normal* memberi keinsafan dan merasai falsafah serta hikmah puasa yang sebenar.

Tempoh PKP ini adalah satu rahmat daripada Allah untuk merenung sejenak keadaan diri dan menghargai masa dengan perkara yang bermanfaat. Isi masa terluang perlu perancangan. Kita lihat apa yang utama dan yang utama itu kita dahulukan.

Masa tidak akan berputar kembali sedar-sedar anak-anak sudah besar namun adakalanya kita menyesal apabila masa yang berlalu tanpa sempat meluangkan masa bersama mereka.

Jika di masa lalu, kita kurang masa untuk mendidik anak-anak sekarang adalah masa terbaik untuk memberi sepenuh perhatian, kasih sayang dan mendidik mereka menjadi insan yang bertakwa.

Bagi yang kurang dari sudut ilmu agama, manfaatkan untuk mengaji ilmu agama, misalnya menghafal al-Quran Juz Amma sepanjang tempoh PKP sudah pasti kita mampu menghabiskan jusuk tersebut pada tempoh ini.

Jika ada solat yang tertinggal sejak baligh, kita masih ada masa yang banyak untuk lengkapkan dengan qada sembahyang dengan harapan Allah menerima segala amalan dan taubat kita.

Sambutan Ramadan kali ini seperti Ramadan yang lalum cuma istimewanya Ramadan tahun ini disambut di dalam rumah kerana tidak dibenarkan ke mana-mana bagi memutuskan rangkaian Covid-19.

Rumah kita telah lama dibiarkan sunyi dengan amalan ketaatan tetapi kali ini Allah bagi peluang untuk kita hidupkan ibadah di rumah dengan puasa bersama ahli keluarga, bertadarus bersama, iftar bersama, sahur bersama, memasak bersama, solat terawih bersama dan doa juga bersama.

Sebelum ini kita disibukkan dengan perkara lain adakalanya kita lupakan keluarga sendiri, jadi inilah satu cara Allah nak kita hargai apa yang kita ada.

Perkara kedua, kita lebih merasai hikmah puasa kerana dapat mengoptimumkan suasana Ramadan sebenarnya dengan berada di rumah.

Jika sebelum ini kita rancak di luar sana mungkin pahala puasa terbang entah ke mana kerana terlibat dengan perkara maksiat.

Perkara ketiga, baru kita tahu nilai hidup dan hubungan sesama manusia apabila tidak dapat bergaul dengan rakan-rakan dan jiran secara normal, maka kita sedar tentang betapa pentingnya perasaan saling menolong, hormat menghormati, berkasih sayang dan tidak pentingkan diri sendiri.

Allah juga mahu kita berusaha mendapatkan *lailatulqadar* yang kita terlepas saban tahun jadi ambil peluang hidupkan Ramadan terutamanya 10 malam terakhir.

Berkongsi pengisian bersama keluarga, saya menghidupkan rumah dengan sentiasa solat berjemaah serta bergilir-gilir dengan anak lelaki untuk menjadi imam dan membaca doa, sekali gus melatih sifat kepimpinan dalam diri mereka.

Alhamdulillah saya rasa satu kelainan yang Allah hadiahkan, misalnya dapat beri pengisian pada anak-anak tentang al-Quran, galakkan mereka solat hajat, berzikir selain melatih anak-anak memasak, kemas rumah, membuat latihan kuiz dan usrah *online*.

Tetapi jika kita makan, tidur, bersenang-lenang, leka bermain *games*, gajet dan tidak melakukan perubahan, maka apabila keluar Ramadan nanti kita akan kekal di takuk lama, maka jadilah kita golongan yang rugi.

Ustaz Yusnadi turut mengajar memahami tafsir al-Quran secara FB Live semasa tempoh PKP.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.